

- 1 Senarai berikut merupakan kerajaan Alam Melayu yang mewariskan ciri-ciri negara bangsa kepada kerajaan Alam Melayu selepasnya.

* Funan
* Champa
* X

Apakah kerajaan X?

- A Srivijaya
B Temasik
C Selangor
D Pahang

- 2 Berikut merupakan gelaran yang dikaitkan dengan Raja Champa.

* Pemerintah yang suci
* Dewa Siva

Apakah tujuan gelaran tersebut?

- A Meluaskan pengaruh
B Mengukuhkan kedudukan
C Menguatkan Kerajaan
D Meningkatkan kerjasama

- 3 Undang-undang berikut digunakan oleh sebuah kerajaan Alam Melayu.

Undang - undang Kutara Munawa

Apakah kerajaan tersebut?

- A Angkor
B Srivijaya
C Majapahit
D Gangga Negara

- 4 Bagaimanakah rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada pemerintah?

- A Meminum air sumpah
B Membuat perjanjian
C Menjadi hamba
D Membayar ufti

- 5 Mengapakah raja di dalam kerajaan Alam Melayu diberikan penghormatan yang tinggi oleh rakyat?

- A Menjaga kebajikan rakyat
B Menjadi tonggak utama kerajaan
C Merupakan lambang perpaduan rakyat
D Mengekalkan keselamatan wilayah takluk


- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa dalam kerajaan Alam Melayu.

X	Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja
---	--

Apakah ciri tersebut?

- A Raja
B Rakyat
C Undang-undang
D Wilayah Pengaruh

- 7 Gambar berikut menunjukkan inskripsi yang dibina oleh kerajaan Srivijaya.



Telaga Batu

Apakah tujuan inskripsi tersebut dibina?

- A Mengadakan upacara perkahwinan
B Menjadi penunjuk arah pedagang
C Menjalankan upacara persediaan
D Menjadi pusat kutipan cukai

- 8 Senarai berikut merupakan ciri-ciri negara bangsa dalam kerajaan Alam Melayu.

Ciri - ciri Negara Bangsa Alam Melayu	
*	* Raja
*	Undang - Undang
*	Wilayah Pengaruh
	* X

X ialah

- A Rakyat
B Kerajaan
C Kedaulatan
D Perlembagaan

- 9 Apakah aspek yang diberikan penekanan oleh kesultanan Johor-Riau dalam usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa?

- A Kemakmuran ekonomi
B Kemajuan perdagangan
C Kepentingan agama Islam
D Kedudukan Bahasa Melayu

- 10 Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang telah mewariskan ciri-ciri negara bangsa kepada sebuah kerajaan kesultanan Melayu.

Apakah kerajaan tersebut?

- A Kedah
B Melaka
C Pahang
D Kelantan

- 11 BERKAITAN
6
Pemerintahan beraja di Melaka diperkukuhkan dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Apakah kepentingan sistem tersebut?

A Menjadi tonggak pentadbiran
B Mengiktiraf peranan pembesar
C Mengukuhkan kedaulatan raja
D Menjamin keadilan pemerintahan

- 12 BERKAITAN
6
Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan gelaran pemerintah kerajaan Melaka



Mengapakah berlakunya perubahan gelaran tersebut?

A Perluasan kuasa
B Kedatangan Islam
C Keinginan pemerintah
D Peningkatan hubungan diplomatik


- 13 BERKAITAN
6
Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah bukti kewujudan ciri tersebut?

A Kewujudan raja
B Ketaatan rakyat
C Kewujudan pembesar
D Kemajuan perdagangan

- 14 BERKAITAN
6
Rajah berikut menunjukkan hubungan timbal balik antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah.



Apakah kepentingan hubungan timbal balik tersebut?

A Mewujudkan persefahaman
B Mengekalkan keamanan
C Menjamin kemakmuran
D Menjana kemajuan

- 15 BERKAITAN
6
Kerajaan China telah menghantar utusan yang diketuai oleh Laksamana Cheng Ho ke Melaka. Apakah tujuan penghantaran utusan tersebut?

A Mengeratkan hubungan
B Mengikat tali persaudaraan
C Menjalin kerjasama ekonomi
D Mengadakan pakatan ketenteraan

- 16 BERKAITAN
6
Golongan diperintah terdiri daripada golongan rakyat dan hamba. Apakah peranan golongan tersebut?

I Membantu kesetiaan
II Membantu pentadbiran
III Mewujudkan keamanan
IV Mematuhi undang - undang

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV


- 17 BERKAITAN
6
Senarai berikut merupakan sebahagian daripada wilayah yang diperoleh oleh Kesultanan Melayu Melaka.



Bagaimanakah wilayah tersebut diperoleh?

A Menerusi persahabatan
B Melalui perkahwinan
C Melalui peperangan
D Menerusi naungan

- 18 BERKAITAN
7
Senarai berikut merupakan undang-undang yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah persamaan undang-undang tersebut?

A Undang - undang adat
B Undang - undang bertulis
C Undang - undang tidak bertulis
D Undang - undang tubuh negeri

- 19 BERKAITAN
7
Kerajaan Melayu Melaka menggubal undang-undangnya sendiri iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Apakah kesan penggubalan undang-undang tersebut?


A Mengukuhkan hubungan luar
B Menjamin keunggulan kerajaan
C Mengekalkan kedaulatan negeri
D Mengelakkan campurtangan asing

- 20 BERKAITAN
7
Cap mohor merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah fungsi cap mohor tersebut?

A Menggambarkan kewibawaan sultan
B Menonjolkan kekuasaan sultan
C Mengiktiraf kedudukan sultan
D Mengesahkan arahan sultan

- 21 Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Jawatan X ialah

- A Bentara
- B Syahbandar
- C Hulubalang
- D Laksamana

- 22 Pernyataan berikut berkaitan dengan kawasan pentadbiran yang dianugerahkan oleh Sultan Melaka

Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau kepada para Pembesar Berempat

Apakah istilah yang merujuk kepada kawasan pentadbiran tersebut?

- A Kawasan taklukan
- B Kawasan pegangan
- C Kawasan pemakanan
- D Kawasan perlindungan

- 23 Senarai berikut merupakan pembesar lain yang dilantik oleh Sultan Melaka

- Syahbandar
- Hulubalang
- Bentara

Apakah peranan pembesar tersebut?

- A Memastikan keselamatan wilayah
- B Membantu dalam pentadbiran
- C Menjalankan perluasan kuasa
- D Memajukan aktiviti ekonomi

- 24 Wilayah taklukan dan naungan Kesultanan Melayu Melaka memberi sumbangan kepada sumber pendapatan. Apakah bentuk sumbangan tersebut?

- I Pemberian ufti
- II Pembayaran cukai
- III Pembayaran royalti
- IV Penghantaran Bunga emas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan jawatan pembesar di peringkat jajahan untuk mentadbir daerah. Bagaimanakah jawatan tersebut diwujudkan?

- A Dipilih oleh rakyat
- B Dilantik oleh Sultan
- C Dipilih oleh jawatankuasa Istana
- D Dilantik oleh Pembesar Berempat

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan bidang tugas Bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- | Bidang Tugas Bendahara |
|-------------------------|
| • Ketua Pentadbir Utama |
| • Penasihat Sultan |

Antara berikut, manakah jawatan yang mempunyai persamaan dengan bidang tugas tersebut?

- A Ketua Setiausaha Negara
- B Yang di-Pertuan Agong
- C Yang di-Pertuan Negeri
- D Perdana Menteri

- 27 Tokoh berikut merupakan bendahara yang paling lama berkhidmat dalam Kesultanan Melayu Melaka

Bendahara Tun Perak

Apakah tugas beliau?

- A Ketua turus angkatan tentera
- B Panglima angkatan laut
- C Pengurus kewangan
- D Ketua Duta

- 28 Pembesar-pembesar berikut telah diberi tanggungjawab yang sama oleh pemerintah Melaka.

- Pembesar daerah
- Syahbandar

Apakah tanggungjawab tersebut ?

- A Mengendalikan urusan perdagangan
- B Melaksanakan kutipan cukai
- C Menyediakan tenaga kerja
- D Menjaga kebajikan rakyat

- 29 Jadual berikut menunjukkan perbandingan tugas pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka dengan pentadbir Malaysia

Ciri Perbandingan	Kesultanan Melayu Melaka	Malaysia
Jawatan	X	Menteri Kewangan
Bidang Tugas	Menguruskan perbendaharaan	Mengurus kewangan kerajaan persekutuan

Apakah X?

- A Penghulu Bendahari
- B Pemungut Hasil
- C Temenggung
- D Syahbandar

- 30 Apakah bentuk hukuman yang diterima sekiranya mengingkari arahan Sultan Melaka?

- A Denda
- B Bunuh
- C Penjara
- D Buang Negeri

- 31 10 Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka digubal berdasarkan dua teras. Apakah teras tersebut?

- I Syariah
II Hukum Adat
III Hukum Raja
IV Pantang Larang
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 32 10 Jadual berikut menjelaskan kadungan Fasal 30 Hukum Kanun Melaka

Fasal 30 Hukum Kanun Melaka	
• Amalan riba diharamkan dalam perniagaan	
• Orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli	

Apakah yang dibuktikan melalui kandungan undang-undang tersebut?

- A Pemupukan nilai murni
B Penerapan unsur Islam
C Pengekalan budaya timur
D Pengamalan etika berniaga

- 33 10 Senarai berikut merupakan nakhoda-nakhoda Melaka

- Nakhoda Diri
- Nakhoda Jenal
- Nakhoda Sahak

Apakah sumbangan nakhoda-nakhoda tersebut?

- A Menguruskan pelabuhan
B Menguasai ilmu pelayaran
C Menjaga kebajikan pedagang
D Menghasilkan undang - undang

- 34 11 Dalam Fasal 9 Undang-undang Laut Melaka, terdapat penegasan bahawa seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.

Apakah tujuan penegasan tersebut?

- A Menjamin keselesaan
B Memudahkan perjalanan
C Memastikan keselamatan
D Menunjukkan kewibawaan

- 35 12 Apakah tanggungjawab pembesar Melaka dalam sistem kerah?

- A Mengutip cukai
B Menyediakan tentera
C Membekalkan makanan
D Menjalankan gotong royong

- 36 13 Apakah tujuan konsep berikut diwujudkan dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka?

Tulah

- A Menghapuskan pengkhianat
B Mengelakkan penderhakaan
C Menghalang pencerobohan
D Menyekat kebebasan

- 37 12 Maklumat berikut berkaitan dengan waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun

Tokoh	Peranan
Sang Sapurba	Mewakili golongan pemerintah
Demang Lebar	Mewakili golongan diperintah

Apakah kandungan waadat tersebut?

- A Hubungan pemerintah dan rakyat
B Hubungan persahabatan
C Kerjasama pertahanan
D Kerjasama ekonomi

- 38 13 Bagaimanakah rakyat Melaka menunaikan tanggungjawabnya kepada pemerintah?

- A Menghadiri majlis istana
B Memelihara keamanan
C Menjadi tentera
D Mengutip hasil

- 39 13 Senarai berikut merupakan jenis hamba yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Jenis Hamba di Melaka
• Hamba raja
• Hamba berhutang
• X

X ialah

- A Hamba abdi
B Hamba biasa
C Hamba perang
D Hamba tawanan

- 40 13 Petikan berikut menggambarkan hubungan terjalin antara pemerintah dengan rakyat.

Rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar, nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.

Apakah kepentingan hubungan tersebut kepada raja?

- A Menjamin keselamatan
B Mengekalkan kedaulatan
C Memelihara kesejahteraan
D Mendapat keberkatan